

*Tarikh Dibaca: 16 Sept 2022M / 19 Safar 1444H*



# **KHUTBAH JUMAAT**

*Tajuk:*

**“BANGUNKAN BERSAMA BUMI  
MERDEKA”**

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## "BANGUNKAN BERSAMA BUMI MERDEKA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ: الَّذِينَ إِنْ مَكَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ  
وَعَاتَوْا الزَّكُوةَ وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عَاقِبَةٌ

الْأُمُورِ<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ<sup>2</sup>

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Saya berpesan kepada diri saya dan para jemaah agar bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi hamba Allah SWT yang direndai di dunia dan di akhirat.

<sup>1</sup> al-Hajj: 41

<sup>2</sup> ali-Imran: 102



Bersempena sambutan Hari Malaysia pada tahun ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "**BANGUNKAN BERSAMA BUMI MERDEKA**".

**Hadirin sidang Jumaat sekalian,**

Tanggal 16 September yang disambut setiap tahun sebagai Hari Malaysia bertujuan memperingatkan kita sejarah pembentukan, penubuhan dan pengisytiharan kesatuan 11 negeri Persekutuan Tanah Melayu, Sabah (dahulu Borneo Utara), Sarawak dan Singapura sebagai negara Malaysia. Persetujuan menubuhkan Malaysia diperoleh 31 Ogos 1963 namun pengisytiharannya ditangguhkan selepas laporan Setiausaha Bangsa-Bangsa Bersatu diperoleh pada 14 September 1963.

Sejarah pembentukan Persekutuan Malaysia bermula dengan hasrat Tunku Abdul Rahman yang ingin membantu membebaskan Sabah, Sarawak dan Singapura daripada komunis selain menyatukan 14 buah negeri sebagai sebuah negara merdeka. Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia ketika itu dalam pengisytiharannya menyatakan: "...mulai daripada 16 September 1963 bersamaan 28 Rabiul Akhir 1383 negeri-negeri di Malaysia dengan izin dan kehendak Allah Rabbul-Alamin akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka lagi berdaulat serta berasaskan kebebasan dan keadilan dan sentiasa mempertahankan serta memelihara keamanan dan kemesraan umatnya dan mengekalkan keamanan di antara segala bangsa di dunia ini.".

**Hadirin yang dikasihi Allah SWT sekalian,**

Tarikh keramat Hari Kemerdekaan 31 Ogos 1957 dan Hari Malaysia 16 September 1963 seharusnya menyedarkan seluruh rakyat Malaysia bahawa negara ini telah 59 tahun ditubuhkan dan 65 tahun dimerdekakan.



Namun, bagaimanakah kedudukan negara ketika ini? Perjalanan panjang selama 65 tahun seharusnya mematangkan semangat perpaduan dan kebersamaan seluruh anggota masyarakat yang berbilang kaum sebagai sebuah keluarga. Sebuah keluarga memberi bermaksud setiap ahli keluarga bertanggungjawab serta berperanan dalam memastikan kecukupan, kebahagiaan serta keselamatan keluarganya terjamin dan terpelihara.

Setiap daripada warganegara Malaysia dengan upaya masing-masing mampu memberikan sumbangan signifikan kepada negara. Bermula daripada Ketua Negara sehingga ke anak kecil. Membangunkan negara bukan disandarkan sepenuhnya di atas bahu mana-mana individu tertentu sebaliknya ia adalah tanggungjawab bersama. Mudahnya, negara kita adalah tanggungjawab kita! Bagi merealisasikan pembangunan negara yang mapan, tiga aspek utama berikut boleh difokuskan bagi menjamin kestabilan sosiopolitik negara iaitu kesepaduan sosial, pendidikan holistik dan keutuhan ekonomi.

### **Hadirin yang dirahmati Allah SWT sekalian,**

Kesepaduan sosial adalah kunci kepada keutuhan sebuah umat. Sejarah kaum Muhajirin yang hidup di tanah gersang serta berkeahlian dalam bidang dagangan berhijrah meninggalkan harta benda di Mekah kemudiannya berpadu dan berasimilasi dengan penduduk Madinah yang hidup di tanah yang subur dan berkeahlian dalam bidang pertanian. Atas dasar persaudaraan, kaum Ansar tidak membiarkan saudaranya dalam kesusahan sebaliknya dibantu setiap aspek keperluan.

Malaysia hari ini khususnya umat Islam dilihat masih bercakaran demi kepentingan peribadi dan politik. Sengketa, permusuhan serta



kebencian masih menebal sehingga menjatuhkan sesama bangsa bahkan saudara seagama. Wujudnya golongan ekstremis yang mencetuskan provokasi, menabur fitnah perpecahan dan menyemarak api perkauman mencetuskan suasana tidak aman. Sedangkan Rasulullah SAW mengingatkan sebagaimana hadis riwayat Abu Musa Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

**الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا**

“Seorang Mukmin dengan Mukmin yang lain umpama sebuah bangunan di mana sebahagiannya mengukuhkan bahagian yang lain.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Rasulullah SAW turut menegaskan sebagaimana mafhum hadis riwayat Muslim daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa seorang Muslim merupakan saudara kepada Muslim yang lain. Haram seorang Muslim menumpahkan darah saudaranya, merampas hartanya dan mencemarkan kehormatannya. Seorang Muslim jangan menzalimi saudaranya, membiarkannya teraniaya dan menghinanya. Seorang Muslim sesama saudaranya jangan dengki mendengki, tipu menipu, benci membenci, khianat mengkhianati dan pintas memintasi dalam muamalahnya.

### **Kaum Muslimin yang berbahagia,**

Pendidikan holistik dan ilmu pengetahuan seimbang dari sudut intelek, emosi, jasmani dan rohani amat mustahak dalam melahirkan modal insan berkualiti. Dalam Islam, pengkategorian dibuat antara ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Kemudian ilmu fardu ain dikategorikan pengetahuan berkaitan kepercayaan sebagai ilmu akidah, pengetahuan



berkaitan amal perbuatan sebagai ilmu fiqh dan pengetahuan berkaitan kerohanian sebagai ilmu tasawuf. Tujuan menuntut ilmu asasnya bukan bermatlamatkan kepada sektor pekerjaan sebaliknya ia adalah tuntutan dan kewajipan. Hadis riwayat Anas bin Malik Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

**طَلْبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ**

“Menuntut ilmu adalah fardu (kewajipan) bagi setiap Muslim.”

(Riwayat Ibn Majah).

Imam al-Nawawi mecatatkan kata-kata Imam al-Shafi'i di dalam kitab al-Majmu': “*Menuntut ilmu lebih utama (afdal) berbanding solat sunat. Tiada selepas kefarduan perkara yang lebih utama daripada menuntut ilmu. Siapa yang mahukan dunia hendaklah dia berilmu dan siapa yang mahukan akhirat hendaklah dia berilmu. Siapa yang tidak mencintai ilmu maka tiada kebaikan padanya...*”.

### Kaum Muslimin yang diberkati Allah SWT sekalian,

Keutuhan ekonomi menjadi aspek penting dalam mencerminkan kestabilan umat. Keutuhan ekonomi bermaksud negara mempunyai ekonomi yang mapan serta berdaya tahan terhadap sebarang ancaman luar dan dalam. Rasulullah SAW sewaktu tiba di Madinah, Baginda SAW bukan sahaja membangunkan masjid tetapi turut membangunkan pusat ekonomi umat Islam. Ekonomi Madinah yang ketika itu didominasi golongan Yahudi dengan penipuan, cukai dan riba digantikan dengan saranan agar menghidupkan Pasar al-Nabit sebagaimana kisahnya dalam riwayat Ibn Majah daripada Abu Usaid Radiallahuanhu.



Kisah Telaga al-Rumah yang dibeli Sayidina Uthman Radiallahuanhu daripada seorang Yahudi kemudian mewakafkannya buat kaum Muslimin wajar dihayati. Umat Islam ketika itu tiada punca air lazat untuk diminum kecuali daripada Telaga al-Rumah yang dibeli 1 kantung air dengan harga 1 dirham. Sayidina Uthman Radiallahuanhu menawarkan untuk membelinya tetapi Yahudi tersebut hanya bersetuju menjualkan separuh pemilikan secara berselang hari dengan harga 12,000 dirham. Dengan kesepakatan dan tindakan bersama, umat Islam menikmati air percuma sepenuhnya apabila Sayidina Uthman Radiallahuanhu berjaya membeli keseluruhan pemilikan telaga tersebut dengan tambahan sebanyak 8,000 dirham menjadikannya 20,000 dirham.

Kisah di atas menjelaskan bahawa aspek ekonomi, perniagaan dan keusahawanan perlu diberikan perhatian sewajarnya. Umat Islam perlu wujudkan platform, pasaran dan produk tersendiri. Umat Islam perlu berusaha menjadi pengusaha, pembekal dan peniaga yang dapat memenuhi segala keperluan kaum Muslimin tanpa perlu bergantung kepada pihak lain.

### **Hadirin yang dimuliakan,**

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita sama-sama menghayati dan mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah bersyukur di atas nikmat kemerdekaan serta kedaulatan negara dengan menyuburkan semangat cintakan tanah air.
2. Umat Islam hendaklah mengambil bahagian dan berperanan dalam meningkatkan kesepadan sosial, pendidikan holistik dan keutuhan ekonomi untuk mengekalkan kestabilan sosiopolitik negara.



3. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa Islam dengan segala ajarannya adalah agama yang memimpin manusia ke arah kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.
4. Umat Islam hendaklah menjadi 'king maker' dalam menentukan hala tuju ummah dan negara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
﴿إِنَّ اللَّهَ يُدَافِعُ عَنِ الظِّلْمِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ خَوَانِ﴾

كُفُورٍ ۝

"Sesungguhnya Allah membela orang-orang yang beriman; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap seorang yang khianat, lagi tidak bersyukur."

(al-Hajj : 38).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا  
فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَا  
وَتَاهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى الَّذِي يَأْيُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَامًا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
الَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ،  
وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعِينِ  
عِنَائِيكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وِقَائِتكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سَلاَغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين عبد  
العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالْتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلاَغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ  
شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِيْ  
أَمْنِ وَصَلَاحِ وَعَافِيَةِ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.  
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga



Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، ادْفِعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَادِ وَالْمَحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبَّ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ  
إِمَاماً. رَبَّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظُمُ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.